

Newspaper	SelangorKini
Date	18 March 2016

Pegangan prinsip politik

# Beza Anwar, Tun Razak, Tun Mahathir dan Najib

*Selangorkini - 18/3/2016*

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Berpegang idea dan prinsip jelas sebelum melangkah ke gelanggang politik adalah ciri penting dimiliki Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan bekas Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein.

Timbalan Naib Canselor Universiti Selangor (UNISEL), Dr. Shahrudin Badaruddin, berkata Anwar adalah aktivis mahasiswa dan aktivis badan bukan kerajaan (NGO) yang memperjuangkan pelbagai isu.

"Tun Abdul Razak pula walaupun menjadi Perdana Menteri di sebuah negara demokratik, tetapi turut memiliki gaya pemikiran bercirikan sosialis.

"Semasa belajar di luar negara, beliau banyak terlibat dengan rakan sosialis hingga menjadikannya juga berfikir sama yang sehingga kini cuba disorok.

"Apabila Dasar Ekonomi Baru (DEB) digubal pada masa itu, sebenarnya ia hanya ada di negara sosialis sahajatan begitu juga dengan Tun Mahathir Mohamad ada pijakan tertentu sebelum sertai politik," katanya.

Beliau berkata demikian pada program Akademi Politik bertajuk Mahasiswa: Aktivisme dan Politik Perubahan di Hotel Carlton, Shah Alam, pada 13 Mac lalu.

Katanya, beberapa idea Anwar semasa bergelar aktivis juga berjaya dilaksanakan sebelum dan selepas menyertai kabinet seperti idea menubuhkan Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa dan sistem Takaful.

Shahrudin berkata, keadaan ketiga mereka itu jauh berbeza dengan Datuk Seri Najib Razak yang menceburi politik ekoran diseret untuk meneruskan legasi bapanya.

"Dinasihatkan kepada mahasiswa, kalau mahu ceburi politik, fikirkan dahulu idea dan prinsip yang jelas dan peganglah untuk memandu kamu ke matlamat perjuangan," katanya.